



NGO wanita lantang memperjuangkan hak mereka

NGO Wanita Penggerak Masyarakat

Oleh SITI KHARIAH MOHD. ZUBIR

NGO Wanita memainkan peranan penting menggerakkan masyarakat dan memajukan kaum wanita. Kekuatan yang disumbangkan oleh NGO wanita membolehkan kerajaan membina kestabilan politik.

DASAR wanita negara menjelaskan bahawa penglibatan wanita dalam pertubuhan badan bukan kerajaan (NGO) menjadi aset terpenting untuk menggerakkan sesuatu pertubuhan.

Menurut Ole, Black, dan Cramer menerusi bukunya *Attitude Change to*

Effective Practice (1999) terdapat tiga faktor utama seseorang itu melibatkan diri dalam NGO. Pertama, altruisme iaitu keinginan melakukan sesuatu untuk orang lain. Kedua, kepentingan diri – hasrat mencari manfaat diri seperti pengalaman, minat, ilmu pengetahuan

dan pekerjaan. Ketiga, keinginan untuk bertemu dan berkenalan dengan orang lain (pergaulan).

Di negara ini jentera kerajaan dan NGO saling bekerjasama untuk meningkatkan status wanita. Siti Fatimah Abdul Rahman dalam bukunya *Pemartabatan Wanita di Malaysia* (1992), menyatakan Hal Ehwal Wanita (HAWA) yang ditubuhkan oleh kerajaan pada 1982 bertindak sebagai urus setia di bawah Jabatan Perdana Menteri untuk mentadbir hal yang berkaitan dengan wanita. HAWA memainkan peranan utama untuk kemajuan wanita di negara ini melalui aktiviti dan projek, sama ada di peringkat kerajaan ataupun bukan kerajaan. Manakala Majlis Penasihat Kebangsaan mengenai integrasi wanita dalam pembangunan (NACIWID) berfungsi menasihatkan kerajaan berhubung dengan hal ehwal wanita dan pembangunan.

Pada 17 Februari 2001 –

Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga diwujudkan dan Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil dilantik sebagai menternya. Banyak NGO memberikan sokongan terbuka terhadap pelantikan beliau. NGO mahu Kementerian ini menjalankan kerjasama langsung dengan Kementerian lain, misalnya Kementerian Pelajaran, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, dan Jabatan Peguam Negara kerana banyak dasar kerajaan mempunyai kesan langsung terhadap kepentingan wanita.

Kebanyakan NGO mempunyai agenda besar yang memerlukan sokongan daripada Kementerian. Women's Aid Organisation (WAO), Majlis AIDS Malaysia serta pertubuhan lain misalnya, mahu agenda wanita dalam NGO diberikan perhatian utama. Biasanya, NGO ditubuhkan untuk memberikan perhatian kepada sesuatu bidang. Badan ini tidak hanya bergiat di peringkat kebangsaan, tetapi juga di peringkat antarabangsa.

Pada 1995, kerajaan menerima Konvensyen tentang Pembahasan Semua Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita yang tertakik pada syarat tertentu. Penyertaan Malaysia di Persidangan Sedunia Keempat bagi wanita di Beijing 1995 serta menerima Deklarasi Beijing menunjukkan iltizam kerajaan memajukan status wanita.

Sebanyak 220 buah NGO wanita ditubuhkan di seluruh negara. Pertubuhan ini menjalankan aktiviti dan program untuk memajukan kepentingan wanita. Pada 1963, Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita (NCWO) ditubuhkan. Antara kejayaan yang dicapai oleh NCWO:

- Pekerja wanita dan lelaki mendapat kadar upah yang sama di sektor awam.
- Pekerja wanita menerima hak pencen.
- Isteri dan anak mendapat nafkah yang lebih baik selepas perceraian.

Penyertaan Malaysia di Persidangan Sedunia Keempat bagi wanita di Beijing 1995 serta menerima Deklarasi Beijing menunjukkan iltizam kerajaan memajukan status wanita.

- Wanita dilantik sebagai juri dalam Majlis Hal Ehwal Agama Islam Kebangsaan.
- Suruhannya Diraja ditubuhkan berkaitan dengan undang-undang perkahwinan dan perceraian bagi orang bukan Islam.
- NCWO menganjurkan kursus tentang kemahiran keibubapaan, pengajaran kesihatan wanita, kaunseling, dan pembangunan kepimpinan.

NGO wanita juga menganjurkan seminar dan bengkel untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran ahlinya. Ada beberapa buah NGO profesional menyumbangkan kepakaran dalam bidang perundangan supaya relevan dengan keperluan wanita. NGO wanita turut mendapatkan responden orang awam tentang ketidakadilan terhadap wanita.

Pertubuhan wanita di Malaysia menunjukkan perkembangan yang progresif. Pada 1980-an, pertubuhan wanita yang lain ditubuhkan seperti Persatuan Suri dan Anggota Perkhidmatan Awam Malaysia (PUSPANITA) dan Women's Aid Organisation (WAO).

NGO Wanita memainkan peranan penting menggerakkan masyarakat dan memajukan kaum wanita. Kekuatan yang disumbangkan oleh NGO wanita

membolehkan kerajaan membina kestabilan politik. Sehubungan dengan hal itu, Dasar Wanita Negara diwujudkan untuk meningkatkan lagi martabat kaum wanita di negara ini. NGO wanita peka terhadap cabaran masa ini.

Pertubuhan NGO berasaskan ekonomi merupakan pertubuhan yang digemari oleh wanita profesional. Mereka bersatu untuk berkhidmat kepada masyarakat.

Menurut Shahrizat, kekuatan perjuangan wanita disebabkan oleh pertalian rapat antara aktivis wanita dengan kerajaan. NGO memerlukan wanita dalam politik untuk mengetengahkan isu yang diperjuangkan oleh wanita. Beliau berpendapat bahawa wanita dalam politik bukan pesaing tetapi bersahabat.

NGO tidak boleh bergerak sendiri tanpa bergabung buah fikiran dengan Kementerian, agensi, atau pihak profesional yang lain. Usaha yang dijalankan adalah untuk mengenal pasti objektif persatuan relevan dengan wanita profesional. Usaha seterusnya perlu dilakukan seperti mengadakan kempen penambahn keahlian, meningkatkan semangat kesukarelaan yang tinggi, serta perkongsian bijak antara kerajaan dengan pertubuhan. Perkongsian pemikiran mewujudkan masyarakat berbudi penyayang serta mewujudkan sistem kekeluargaan yang mantap.

Pada era globalisasi, penglibatan NGO wanita dalam semua sektor pembangunan negara diperlukan selaras dengan kemampuan dan kehendak wanita bagi mempertingkatkan mutu kehidupan, membasmi kemiskinan, menghapuskan kejahilan, buta huruf, dan mengwujudkan negara yang makmur. **DM**

*Dr. Hajah Siti Khuriah Mohd. Zubir
pensyarah di Jabatan Kestiasasteraan
Melayu, Fakulti Bahasa, Universiti
Pendidikan Sultan Idris.*